

1. Maklumat berikut berkaitan dengan masalah ekonomi.

Syarikat Fodisten Sdn Bhd hanya dapat melaksanakan projek perumahan di Taman Rafflesia di Matunggong dan terpaksa menangguhkan projek perumahan di Taman Pelangi di Sikuati.

Apakah masalah ekonomi yang terlibat?

- A Pendapatanya adalah terhad
- B Kehendak manusia yang terhad
- C Modal dan buruh yang dimiliki terhad
- D Peruntukan sumber hasil kerajaan terhad


2. Maklumat berikut berkaitan dengan Puan Azie.

Puan Azie adalah pengusaha kedai kek dan roti. Beliau mempunyai 2 orang pekerja dan berjaya membekalkan roti dan kek di beberapa buah koperasi sekolah dan pasar raya di Kudat.

Apakah faktor pengeluaran yang terlibat dalam perniagaan Puan Azie?

- I Kedai kek
 - II Pasar raya
 - III Koperasi sekolah
 - IV Tenaga pekerja
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

3. Rajah 1 berkaitan dengan Keluk Kemungkinan Pengeluaran (KKP).



Rajah 1

Titik manakah yang menunjukkan kecekapan pengeluaran?

- A Titik T dan U
- B Titik S dan W
- C Titik U dan Y
- D Titik W dan Y

4. Jadual 1 berkaitan dengan pengeluaran Syarikat Jean Crispo.

Teknik Pengeluaran	Keropok Lekor (kg)	Keropok Kering (kg)
W	0	200
X	50	160
Y	110	90
Z	150	30

Apakah kos lepas jika Syarikat Jean Crispo menukar teknik pengeluaran daripada W ke Z?

- A 100 kg keropok lekor
- B 140 kg keropok kering
- C 150 kg keropok lekor
- D 170 kg keropok kering

5. Bagaimanakah sistem ekonomi kapitalis menyelesaikan masalah asas ekonomi?

- I Jenis barang ditentukan oleh pengeluar
 - II Kuantiti barang ditentukan oleh pengguna
 - III Kaedah pengeluaran berdasarkan untung maksimum
 - IV Agihan barang berdasarkan corak agihan pendapatan masyarakat
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV


6. Maklumat di bawah berkaitan dengan ciri sistem ekonomi sebuah negara.

- Wujud persaingan yang adil dan saksama antara individu
- Keseimbangan antara kepentingan individu dan masyarakat
- Matlamat ekonomi adalah untuk mencapai kebahagiaan dunia dan akhirat

Apakah sistem ekonomi yang diamalkan oleh negara tersebut?

- A Ekonomi Islam
- B Sistem ekonomi kapitalis
- C Sistem ekonomi campuran
- D Sistem ekonomi perancangan pusat

7. Rajah 2 menunjukkan keluk permintaan terhadap sesuatu barang.




Rajah 2

Pergerakan dari titik Y ke X dikenali sebagai

	Situasi	Huraian
A	Pengurangan permintaan	Kuantiti diminta bertambah, harga berkurang
B	Pengembangan permintaan	Kuantiti diminta berkurang, harga berkurang
C	Penguncupan permintaan	Harga meningkat, kuantiti diminta berkurang
D	Pertambahan permintaan	Harga meningkat, kuantiti diminta bertambah

8. Rajah 3 menunjukkan perubahan permintaan dalam pasaran.



Rajah 3

Apakah situasi yang menunjukkan peralihan keluk permintaan ke kiri dari D_0D_0 ke D_1D_1 ?

- A Harga barang pengganti menurun
- B Harga dijangka meningkat pada masa depan
- C Kadar cukai pendapatan perseorangan diturunkan
- D Cita rasa pengguna terhadap barang tersebut meningkat

9. Pilih padanan yang **betul** berkaitan perubahan penawaran di pasaran.

	Pengurangan Penawaran	Pertambahan Penawaran
A	Kadar cukai input menurun	Kadar cukai input meningkat
B	Harga faktor pengeluaran lebih murah	Harga faktor pengeluaran lebih mahal
C	Penggunaan kaedah pengeluaran tradisional	Penggunaan tingkat teknologi dalam pengeluaran
D	Pengeluar bermatlamat memaksimumkan jualan	Pengeluar bermatlamat memaksimumkan untung

10. Jadual 2 menunjukkan permintaan dan penawaran kasut sukan di pasaran.

Harga (RM)	Kuantiti permintaan (pasang)	Kuantiti penawaran (pasang)
60.90	60	15
70.90	40	40
80.90	20	50
90.90	10	70

Jadual 2

Pilih pernyataan yang **benar** mengenai jadual tersebut.

- A Harga keseimbangan pasaran ialah RM90.90
- B Harga kasut cenderung untuk menurun pada tingkat harga RM80.90
- C Lebihan permintaan dan penawaran berlaku pada tingkat harga RM70.90
- D Pada harga RM60.90, berlaku lebihan penawaran sebanyak 15 pasang dalam pasaran
11. Apakah kesan ke atas harga dan kuantiti keseimbangan pasaran jika penawaran bertambah manakala permintaan tetap?
- A Harga dan kuantiti keseimbangan meningkat
- B Harga dan kuantiti keseimbangan menurun
- C Harga keseimbangan meningkat dan kuantiti keseimbangan menurun
- D Harga keseimbangan menurun dan kuantiti keseimbangan meningkat
12. Maklumat di bawah berkaitan dengan jenis barang yang terdapat dalam pasaran.

Rantai emas mempunyai nilai keanjalan harga permintaan iaitu 1.32

Apakah tafsiran bagi situasi tersebut?

- A Apabila kuantiti meningkat sebanyak 1.32%, harga cenderung untuk menurun.
- B Apabila harga meningkat sebanyak 1.32%, kuantiti diminta akan menurun sebanyak 1.32%.
- C Apabila harga menurun sebanyak 2% menyebabkan kuantiti diminta akan meningkat sebanyak 2.64%.
- D Apabila harga meningkat sebanyak 2% menyebabkan kuantiti diminta akan meningkat sebanyak 2.64%.


13. Jadual 3 menunjukkan peratus perubahan harga dan peratus perubahan kuantiti ditawarkan suatu barang.

Peratus Perubahan Harga (%)	Peratus perubahan kuantiti (%)
25.0	X

Jadual 3

Nilai keanjalan harga penawaran ialah 0.8. Berapakah nilai X?

- A 17.0%
 B 18.0%
 C 19.0%
 D 20.0%
14. Gambar 1 menunjukkan logo sebuah institusi kewangan yang terdapat di Malaysia.



Bagaimanakah institusi tersebut berfungsi sebagai jurubank kepada bank perdagangan?

- I Memberi nasihat pelaburan
 II Mengurus pertukaran asing
 III Menyediakan akaun penjelasan antara bank
 IV Menjaga rizab berkanun untuk menstabilkan ekonomi
- A I dan II
 B II dan IV
 C II dan III
 D III dan IV

15. Antara yang berikut, yang manakah benar mengenai fungsi bank perdagangan?

- I Memberi pendahuluan sementara kepada kerajaan
 - II Mengawal pertukaran asing agar nilai matawang stabil
 - III Membuat perkhidmatan urusan bayaran eksport dan import
 - IV Menyediakan perkhidmatan pembayaran kewangan dengan pinjaman
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

16. Maklumat di bawah berkaitan dengan faktor pemilihan pekerjaan.

Puan Ezliza seorang pengawai akauntan yang bekerja di sebuah syarikat swasta dan telah bertukar profesion kepada seorang guru di sekolah yang berdekatan dengan rumahnya.

Apakah faktor pemilihan pekerjaan Puan Ezliza selain faktor di atas?

- I Mempunyai jaminan kerja yang lebih baik
 - II Jarak rumah ke tempat kerja yang lebih dekat
 - III Menerima faedah sampingan iaitu faedah persaraan
 - IV Mempunyai prospek pekerjaan iaitu peluang kenaikan pangkat yang lebih tinggi
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

17. Antara berikut, faktor yang manakah mempengaruhi matlamat pendapatan individu?

- I Tempat kerja yang selesa
 - II Kelayakan akademik yang tinggi
 - III Kemahiran komunikasi dan literasi komputer
 - IV Pekerjaan dalam sektor awam lebih terjamin
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

18. Pernyataan manakah yang **betul** tentang potongan wajib?
- A Pelepasan cukai pendapatan yang tinggi akan meningkatkan cukai pendapatan
 - B Bayaran zakat akan mengurangkan jumlah cukai pendapatan yang perlu dibayar
 - C Pengurangan kadar caruman KWSP akan mengurangkan pendapatan boleh guna
 - D Kakitangan kerajaan merupakan individu yang wajib mencarum dalam PERKESO
19. Antara berikut, manakah yang akan meningkatkan perbelanjaan penggunaan?
- I Peningkatan harga pakej pelancongan
 - II Kadar cukai pendapatan individu bertambah
 - III Golongan B40 menerima Sumbangan Tunai Rahmah (STR)
 - IV Kerajaan mengumumkan pengurangan kadar caruman KWSP
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
20. Maklumat berikut berkaitan dengan caj kewangan dalam pembelian kredit.

Encik Fodisten bercadang membeli sebuah kereta Perodua Aruz bernilai RM90 000 secara kredit. Beliau mempunyai wang sebanyak RM9 000 sebagai bayaran pendahuluan dan bercadang membuat pinjaman bank untuk membayar baki bayaran keretanya secara ansuran. Kadar faedah yang dikenakan oleh bank perdagangan ialah 4% dan tempoh bayaran semula ialah 7 tahun.

Berapakah jumlah ansuran bulanan yang perlu dibayar oleh Encik Fodisten?

- A RM 964.29
- B RM 1002.86
- C RM 1234.29
- D RM 1371.43

21. Maklumat di bawah berkaitan pendapatan dan perbelanjaan bulanan Encik Taufik.

Butiran	RM
Pendapatan	3 200
KWSP 11%	
PERKESO	15
Makanan dan minuman	800
Ansuran pinjaman perumahan	900
Ansuran pinjaman kereta	750
Bil elektrik dan air	270
Majalah	150
Derma	200

Pernyataan manakah yang betul berkaitan dengan belanjawan peribadi Encik Taufik?

- I Pendapatan boleh guna ialah RM2 833
- II Perbelanjaan melebihi pendapatan boleh guna
- III Perancangan belanjawan peribadi yang baik
- IV Mempunyai lebihan pendapatan sebanyak RM145
- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

22. Antara yang berikut, yang manakah benar mengenai pulangan dalam pelaburan?

	Jenis Pelaburan	Pendapatan Pelaburan
I	Sekuriti Pinjaman	Dividen dan jumlah pokok pinjaman selepas tarikh matang sekuriti.
II	Saham	Faedah dan keuntungan modal atas kenaikan nilai unit amanah.
III	Unit Amanah	Dividen dan keuntungan modal atas kenaikan nilai unit amanah.
IV	Hartanah	Sewa dan keuntungan modal atas kenaikan nilai hartanah.

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

23. Antara yang berikut, yang manakah merupakan andaian fungsi pengeluaran jangka pendek?

- I Tingkat teknologi yang tinggi
 - II Hanya input berubah yang terlibat
 - III Input yang digunakan ialah input tetap dan input berubah
 - IV Semua buruh mempunyai tingkat kemahiran yang sama cekap
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

24. Maklumat di bawah berkaitan dengan kos pengeluaran suatu barang.

Kos berubah	=	RM 70
Kos purata	=	RM 5
Jumlah output	=	35 unit

Berapakah kos tetap?

- A RM 75
- B RM 105
- C RM 110
- D RM 175

25. Maklumat di bawah berkaitan dengan pengeluaran Syarikat Maju Terus Sdn. Bhd.

Syarikat Maju Terus mengeluarkan 1 000 bungkus keropok dan menjualnya dengan harga RM21 sebungkus. Kos pengeluaran syarikat ialah kos bahan mentah RM 8000, upah buruh RM 6000, sewa bangunan kilang RM 700 dan bayaran bil elektrik,air dan utiliti RM 300.
--

Berapakah jumlah untung yang diperolehi Syarikat Maju Terus?

- A RM13 000
- B RM7 000
- C RM6 300
- D RM6 000

26. Antara yang berikut, pernyataan yang manakah menjelaskan hukum pulangan berkurangan dalam pengeluaran?
- A Jumlah keluaran akan semakin berkurang apabila semakin banyak input berubah ditambah
 - B Jumlah keluaran akan semakin bertambah apabila semakin banyak input berubah ditambah
 - C Jumlah keluaran akan meningkat dengan kadar bertambah secara berterusan apabila semakin banyak input tetap ditambah
 - D Jumlah keluaran akan meningkat dengan kadar yang semakin perlahan dan kemudian merosot apabila semakin banyak input berubah ditambah
27. Faktor manakah yang mempengaruhi produktiviti sesebuah syarikat?
- I Persekitaran kerja
 - II Gaya kepimpinan
 - III Kepuasan pekerja
 - IV Tingkat agihan pendapatan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV
28. Maklumat di bawah menunjukkan suatu keadaan dalam ekonomi.
- Guna tenaga penuh
 - Kestabilan harga
 - Pertumbuhan ekonomi
 - Kestabilan imbalan pembayaran
- Pernyataan di atas merujuk kepada peranan kerajaan iaitu
- A Mewujudkan monopoli semulajadi
 - B Mencapai objektif makroekonomi
 - C Bertindak sebagai pengguna dan pengeluar
 - D Mengawal selia pengeluar dan eksternaliti negative

29. Pernyataan manakah yang menunjukkan perkaitan antara peranan kerajaan dengan objektif makroekonomi?

	Peranan Kerajaan	Objektif Makroekonomi	Kesan
A	Sebagai pengeluar	Kestabilan harga	Mengeluarkan barang awam dan barang sosial.
B	Mengawal selia pengeluar	Pertumbuhan ekonomi	Memperbanyakkan aktiviti pengeluaran
C	Mengawal selia eksternaliti negatif	Kestabilan Imbangan Pembayaran	Mengawal kuasa pasaran supaya harga barang distabilkan
D	Sebagai majikan	Guna Tenaga Penuh	Mencipta peluang pekerjaan dalam sektor awam.

30. Padanan jenis cukai manakah yang betul?

	Cukai Langsung	Cukai Tak Langsung	Hasil bukan cukai
A	Cukai pendapatan syarikat	Duti Setem	Bayaran lesen
B	Cukai barang dan perkhidmatan	Cukai perjudian	Dividen daripada saham dan GLC
C	Cukai pendapatan petroleum	Levi	Royalti petroleum
D	Cukai pendapatan individu	Duti eksport	Duti eksais

31. Antara yang berikut, yang manakah merupakan perbelanjaan mengurus kerajaan?

- I Perbelanjaan pendidikan dan latihan
 - II Pemberian kepada setiap kerajaan negeri
 - III Perbelanjaan pengembangan ruang pejabat
 - IV Pembayaran hutang dalam dan luar negara
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV


32. Gambar 2 berikut berkaitan dengan faktor penggalak globalisasi.



Gambar 2

Apakah faktor penggalak globalisasi yang berkaitan dengan gambar di atas?

- A Pelancongan
 - B Peranan kerajaan
 - C Infrastruktur pengangkutan yang baik
 - D Infrastruktur teknologi maklumat dan komunikasi
33. Gambar 3 di bawah menunjukkan perbandingan antara blok ekonomi dan perjanjian perdagangan.



Gambar 3

Pernyataan manakah yang menggambarkan X?

- A Menjaga kepentingan perdagangan ahli
- B Dianggotai negara-negara berhampiran
- C Mengurangkan halangan dalam perdagangan bebas
- D Menghapuskan duti kastam bagi semua negara anggota

34. Jadual di bawah menunjukkan akaun semasa Malaysia tahun 2018 dan 2019.

Butiran	2018 (RM Juta)	2019 (RM Juta)
Barangan	119 182	123 334
Perkhidmatan	-17 726	-10 922
Pendapatan Primer	-51 586	-40 267
Pendapatan Sekunder	-19 282	-21 295

Pernyataan manakah yang benar?

- A Pada tahun 2018, Akaun Semasa mengalami defisit sebanyak RM30 588 juta.
- B Pada tahun 2019, Akaun Semasa mengalami lebihan sebanyak RM72 695 juta.
- C Imbangan Akaun Semasa mengalami defisit pada tahun 2019 berbanding pada tahun 2018 sebanyak 66.24%.
- D Imbangan Akaun Semasa mengalami lebihan pada tahun 2019 berbanding pada tahun 2018 sebanyak 66.24%.

35. Maklumat berikut menunjukkan kadar pertukaran asing antara Ringgit Malaysia (RM) dengan 100 unit Won Korea (KRW).

Harga Belian (RM)	Harga Jualan (RM)
0.3532	0.3535

Hugo ingin melancong ke Korea Selatan dan mempunyai wang sebanyak RM5 000. Setelah beberapa hari berada di Korea Selatan, Danial balik semula ke Malaysia dan masih mempunyai wang Won Korea (WKR) sebanyak WKR3 000.

Berapakah wang Won Korea (WKR) yang diperolehi semasa pergi ke Korea Selatan dan Ringgit Malaysia (RM), baki yang tidak dibelanjakan?

	Won Korea (WKR)	Ringgit Malaysia (RM)
A	1 059.60	1 767.50
B	1 766.00	1 060.50
C	1 767.50	1059.60
D	1767.50	1060.50

Soalan 36 hinggg 40 berdasarkan pilihan jawapan seperti jadual berikut.

Pilihan	Pernyataan I	Pernyataan II
A	Betul	Salah
B	Salah	Betul
C	Betul	Betul
D	Salah	Salah

36. I Kehendak manusia yang tidak terhad mewujudkan masalah kekurangan.
II Masalah kekurangan menyebabkan berlakunya masalah ekonomi.
37. I Penawaran tak anjal mempunyai nilai pekali keanjalan harga lebih besar daripada 1.
II Penawaran tak anjal mempunyai peratus perubahan harga yang lebih besar daripada peratus perubahan kuantiti.
38. I Faedah luaran bagi penggunaan pengangkutan awam ialah kadar pencemaran alam sekitar lebih rendah.
II Sekiranya pengeluaran sesuatu barangan mempunyai faedah luaran yang sangat tinggi, jumlah faedah sosial akan mejadi lebih besar.
39. I Inflasi menyebabkan pendapatan benar masyarakat turun.
II Inflasi menyebabkan kos hidup masyarakat menurun.
40. I Penurunan kadar pertukaran asing Ringgit Malaysia menyebabkan eskport negara menurun.
II Kenaikan kadar pertukaran asing Ringgit Malaysia membaiki imbalan dagangan defisit.

~KERTAS SOALAN TAMAT~